

TARIKH: 17/6/23  
SURAT KHABAR: Sinar Harian  
MUKA SURAT: 15

## 1,136,022 kuota pekerja asing diluluskan sehingga 18 Mac

**SHAH ALAM** - Kementerian Sumber Manusia meluluskan sebanyak 1,136,022 kuota pengajian pekerja asing untuk enam sektor pekerjaan di negara ini setakat 18 Mac lalu.

Sektor berkenaan adalah perkilangan sebanyak 469,106; pembinaan (359,899); perkhidmatan (171,490); perladangan (85,678); pertanian (49,473) dan perlombongan serta pengkuarian (376).

Menterinya, V Sivakumar berkata, daripada jumlah keseluruhan kuota tersebut, sebanyak 467,590 atau 41 peratus telah diluluskan pada tahun ini bagi 3 Januari hingga 18 Mac melibatkan 10,093 majikan.

"Untuk makluman, Jemaah Menteri melalui mesyuarat abinet bertarikh 17 Mac 2023 telah bersetuju dengan penangguhan permohonan dan kelulusan kuota pengajian pekerja asing.

"Ini termasuk melalui Pelan Kelonggaran Pengajian Pekerja Asing bermula 18 Mac 2023 sehingga ke satu tarikh akan dimaklumkan kelak," katanya dalam pertanyaan bukan jawab lisan di Dewan Rakyat.

Beliau menjawab pertanyaan **Lim Lip Eng (PH-Kepong)** mengenai jumlah kuota pekerja asing telah diluluskan pada 2023 mengikut warganegara, jumlah syarikat dan nama syarikat menerima kuota tersebut selain jumlah sasaran kuota pekerja asing.

Ujar Sivakumar, dalam perkara tersebut, fokus diberikan kepada proses kemasukan pekerja asing oleh pihak majikan terlibat bagi kuota pekerja asing



SIVAKUMAR

yang telah diluluskan. Sementara itu dalam jawapan berasingan, Sivakumar memaklumkan, antara syarat pengajian pekerja asing adalah bagi tempoh 10 tahun dengan tambahan tiga tahun.

Katanya, sepanjang tempoh itu, pekerja asing hendaklah bekerja dalam

sektor ditetapkan seperti mana diluluskan semasa pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara.

Beliau berkata demikian dalam jawapan lisan bagi pertanyaan **Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh (PN-Pasir Puteh)** mengenai kesediaan kerajaan pertimbang cadangan membenarkan pekerja asing terlibat sebagai pekerja sambilan dalam sektor perkhidmatan.

Sinar Harian 17/6/23  
MS 15